

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATO' ABDUL HALIM BIN
SULEIMAN**

TARIKH : 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta MENTERI
PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini projek Rapid
Transit System (RTS) Link yang menghubungkan Singapura dan Johor
Bahru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. RTS Link merupakan sebuah sistem pengangkutan rel yang akan menghubungkan Johor Bahru dan Woodlands North, Singapura. Pengoperasian RTS Link yang dijangka bermula pada 31 Disember 2026 dapat mengurangkan masalah kesesakan trafik di sempadan Malaysia – Singapura.
2. Perkhidmatan RTS Link boleh menampung sehingga 100,000 penumpang sehari (maksima) dengan kekerapan tren 3.6 minit pada waktu puncak. Dianggarkan 30,000 – 40,000 penumpang sehari akan menggunakan perkhidmatan RTS pada tahun pertama operasi bermula.
3. Setakat ini, Kerajaan telah membelanjakan RM2.5 bilion untuk kerja-kerja penyiapan infrastruktur sivil projek RTS di bahagian Malaysia. Kos sebanyak RM5.2 bilion telah diperuntukkan untuk keseluruhan projek untuk bahagian Malaysia sehingga siap dibina.
4. Sehingga November 2024, status kemajuan pelaksanaan projek berkenaan adalah sebanyak 95% bagi kerja-kerja infrastruktur. Manakala, kerja-kerja pemasangan komponen sistem lain seperti stok kereta (*rolling stock*), *signaling*, *Power Supply & Distribution* dan telekomunikasi yang bermula bulan Disember 2024.
5. Untuk makluman, Malaysia Rapid Transit System Sdn. Bhd. (MRTS) sebagai InfraCo Malaysia telah memberikan akses awal kepada RTS Operation Pte. Ltd. (RTSO) iaitu pengendali operasi di Depoh Wadi Hana sejak 30 September 2024 untuk memulakan kerja-kerja pemasangan landasan kereta api (*trackworks*).
6. Kerajaan sentiasa komited untuk meneruskan projek pembinaan RTS ini mengikut garis masa perancangan projek yang ditetapkan yang dijangka akan memulakan operasi pada 31 Disember 2026.

Sekian, terima kasih.